

ACO lantik MyAngkasa urus dagangan emas



[FOTO SAIRIEN NAFIS/BH]

Abdul Fattah (dua dari kiri) dan Lim bersalaman selepas memeterai perjanjian di antara ANGKASA dengan Quantum Metal di Petaling Jaya, semalam.

Pertubuhan Koperasi ASEAN (ACO) melantik MyAngkasa Holdings Sdn Bhd (MyAngkasa) mengendalikan urus niaga emas antara pihaknya dengan syarikat pengedar emas, Quantum Metal Sdn Bhd.

Menerusi perkhidmatan itu, MyAngkasa, sebuah anak syarikat Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia Bhd (ANGKASA), bertindak sebagai syarikat pengurus projek bagi dagangan antara dua entiti yang menggunakan emas sebagai perantara.

Presiden ANGKASA, Datuk Abdul Fattah Abdullah, berkata kerjasama tiga pihak menggunakan emas sebagai medium transaksi itu adalah berdasarkan kekuatan pasaran.

“Sistem transaksi emas membolehkan pembeli mengetahui nilai

pasaran dan sentiasa dikemas kini.

“Satu jawatankuasa akan ditubuhkan bagi mengawasi jaminan dan urus niaga prosedur operasi standard (SOP) yang dite-tapkan ACO dan Quantum Metal,” katanya selepas memeterai perjanjian terbabit di Petaling Jaya, semalam.

ACO pilih Quantum Metal

Quantum Metal adalah antara pengedar emas emas terbesar tempatan dan pengedar eksklusif pingat emas rasmi Australia, iaitu Perth Mint, di Malaysia.

Yang turut hadir, Pengurusi Eksekutif Quantum Metal, Datuk Dr KS Lim.

Abdul Fattah yang juga Presiden ACO berkata, ACO memilih

bekerjasama dengan Quantum Metal kerana ia adalah syarikat pengedar emas yang kukuh.

“Kami harap inisiatif ini akan meningkatkan dan memudahkan pelaburan serta perdagangan menerusi penggunaan emas sebagai aset dalam kalangan koperasi ASEAN.

“Ini akan membantu mengurangkan pelbagai risiko khususnya ketidaktentuan mata wang,” katanya.

MyAngkasa turut bercadang memiliki bilik kebal sendiri tahun depan sebagai langkah mengurangkan kos penyimpanan aset khas.

Selain itu, MyAngkasa dan Quantum Metal juga dijangka melancarkan pakej pelaburan emas kepada anggota koperasi, akhir bulan ini.

Perpustakaan Koperasi
Malaysia